

28 MAR 1998

DR MAHATHIR DUKACITA TERHADAP KEJADIAN DI KAMPUNG RAWA

JELI, 28 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pergaduhan yang berlaku berhubung isu masjid dan kuil di Kampung Rawa di Pulau Pinang amat mendukacitakan kerana ia sepatutnya boleh diselesaikan melalui rundingan.

"Sebenarnya perkara itu boleh diselesaikan melalui rundingan tetapi kalau kita buat secara macam itu, imej negara kita akan menjadi buruk," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Perhimpunan Bersama Rakyat dan mesyuarat perwakilan UMNO bahagian Jeli di sini.

Perdana Menteri berharap perkara seumpama itu tidak akan berulang dan meminta semua pihak supaya menyelesaikan sebarang masalah melalui rundingan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang bergegas ke Pulau Pinang petang semalam setelah tercetus pergaduhan antara satu kumpulan dari sebuah masjid dan satu kumpulan dari kuil Hindu Raja-Raja Maduraiveeran yang bersebelahan di Jalan Patani, berkata isu itu telah selesai.

Beliau juga memberi amaran bahawa kerajaan akan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang cuba menangguk di air yang keruh.

Dr Mahathir yang ditanya kemungkinan ketegangan itu disebabkan oleh pembabitan pihak luar, berkata : "Kita masih menyiasat...setakat ini saya belum terima (laporan) lagi, jadi saya tidak tahu benar atau tidak tuduhan ini". -- BERNAMA

BD MAI